



DR. MAHATHIR MOHAMAD dan isteri, Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali memotong kek ulang tahun perkahwinan mereka ke-63 semasa lawatan kerja ke Fukuoka, Jepun baru-baru ini. - BERNAMA

Tolak ansur rahsia perkahwinan - PM

KUALA LUMPUR 2 Sept. - Kehidupan romantik Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dan isteri, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali sering mencuit hati rakyat negara ini.

Namun gelagat kedua-duanya yang sering mempamerkan aksi comel membuktikan walaupun sudah berusia mereka masih mencintai antara satu sama lain.

Menerusi satu temubual khas, Dr. Mahathir berkongsi rahsia perkahwinannya termasuk bagaimana beliau memastikan perasaan cinta kekal di usia emas.

Menurutnya, sikap tolak ansur diperlukan dalam sesebuah perkahwinan kerana pasangan suami isteri tidak sempurna.

"Tolak ansur, isteri tidak sempurna anda juga tidak sempurna. Oleh itu, kedua-dua (isteri dan suami) harus bertolak ansur dengan satu sama lain. Sebagai contoh saya suka bersabar," katanya seperti dilaporkan dalam artikel *Going Places*, majalah penerbangan Malaysia Airlines.

Tambahnya, beliau sentiasa mahu menepati masa namun Dr. Siti Hasmah sering lewat dan menyebabkan mereka bertengkar.

"Pada mulanya kami bertengkar tetapi selepas beberapa lama saya berkata dia

Tolak ansur, isteri tidak sempurna anda juga tidak sempurna. Oleh itu, kedua-dua (isteri dan suami) harus bertolak ansur dengan satu sama lain. Sebagai contoh saya suka bersabar."

TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD

akan selalu seperti itu. Jadi saya perlu bersabar dan dia perlu bersabar dengan saya yang akan datang, datang dan datang kerana sudah kehabisan masa," kongsinya.

Dalam temubual itu, Dr. Mahathir juga memberitahu beliau akan menikmati kopi dua dalam satu tanpa gula pada setiap pagi sebelum memulakan kerja.

"Saya bangun untuk sembahyang kira-kira pukul 6.30 pagi, mandi dan selepas itu saya menikmati sarapan pagi. Saya makan satu keping roti. Kadang-kadang dengan keju, kadang-kadang saya mencelupkannya ke dalam kari," katanya.

Katanya lagi, cucu-cucunya merupakan sesuatu yang sangat berharga dalam kehidupannya.